# LAPORAN TAHUNAN 2011

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

# ISI KANDUNGAN


**MAKLUMAT KORPORAT**

FUNGSI LEMBAGA 01
PENASIHAT 02
PENGERUSI 02
TIMBALAN PENGERUSI 02
AHLI LEMBAGA 03
KUMPULAN PENGURUSAN 04

**PENGURUSAN ORGANISASI**

HALA TUJU STRATEGIK 05
PENTADBIRAN DAN PERJAWATAN 06
USAHA KE ARAH PEMBUDAYAAN KUALITI 08
PENGUKUHAN SEMANGAT BERPASUKAN DAN PENINGKATAN MOTIVASI 09
ICT DALAM PENGURUSAN 13
BELANJAWAN DAN KEWANGAN 15

**PENGURUSAN SUMBER ASLI**

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH (RTD) ROMPIN 18
KAWALAN PEMBANGUNAN 18
PENGURUSAN RIZAB HIDUPAN LIAR 19
PEMULIHARAAN PANTAI 19
PENGURUSAN EKO-SISTEM MARIN 20

**KUALITI HIDUP MASYARAKAT**

INFRASTRUKTUR FIZIKAL 21
KEMUDAHAN SOSIAL 21
PENGURUSAN KESIHATAN 22
PENGURUSAN KUMBAHAN 25
PENGURUSAN SISA PEPEJAL 25

**MODAL INSAN**

PROGRAM KEUSAHAWANAN 28
EKONOMI DESA 29
KEMASYARAKATAN 30
KEROHANIAN 31

**PELANCONGAN**

PRODUK 33
AKSESSIBILITI 35
KEMUDAHAN PELANCONGAN 37
PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN PELANCONGAN 38
PEMASARAN 39
STATISTIK PELANCONGAN 41

**PENYATA KEWANGAN** 42

# MAKLUMAT KORPORAT

LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN 2011

# MAKLUMAT KORPORAT

## FUNGSI LEMBAGA

Fungsi-fungsi Lembaga seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen penubuhannya adalah seperti berikut:

a. Melaksanakan segala fungsi Kerajaan Tempatan di dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman;

b. Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman;

c. Memajukan dan menggalakkan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman sebagai kawasan bebas duti;

d. Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan komersil dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman; dan

e. Mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang tersebut dalam perenggan (b), (c) dan (d) dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman.



**PENASIHAT**

Y.A Bhg. Tun Dr. Mahathir bin Muhamad



**PENGERUSI**

YAB. Dato' Seri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob
*(Menteri Besar Pahang)*



**TIMBALAN PENGERUSI**

Y.B. Dato' Haji Tan Mohd. Aminuddin bin Haji Ishak
*(Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, dan Hal Ehwal Felda Negeri Pahang)*



**AHLI LEMBAGA**

Y.B Dato' Maznah Binti Mazlan
*(Timbalan Menteri Kementerian Sumber Manusia)*



**AHLI LEMBAGA**

Y.H Dato' Setia Wangsa Pahang Dato' Mustafa Bin Abu Bakar



**AHLI LEMBAGA**

Y.M Dato' Tengku Alaudin Bin Tengku Abd. Majid



**AHLI LEMBAGA**

Y.H Dato' Haji Wan Abdullah Bin Haji Wan Salleh



**AHLI LEMBAGA**

Tuan Haji Md. Rusli Bin Ismail



**AHLI LEMBAGA**

Y.Bhg. Datuk Dr. Ong Hong Peng
*(Ketua Setiausaha Kementerian Perancangan Malaysia)*



**AHLI LEMBAGA**

Y.Bhg. Dato' Mohd Hashim Bin Abdullah
*(Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia)*



**AHLI LEMBAGA**

Y.H Dato' Yusoff bin Yahya
*(Perbendaharaan Malaysia, Kementerian Kewangan)*

## KUMPULAN PENGURUSAN



**Pengurus Besar**
Y.H Dato' Haji Hashim bin Mat Tahir



**Pengurus Perancangan dan Pembangunan Projek**
Tuan Haji Ahmad Faudzi bin Abd. Majid



**Pengurus Perbandaran dan Kerajaan Tempatan**
Encik Borharuddin bin Wan Chik



**Pengurus Khidmat Pengurusan**
Puan Nor Zaihan binti Othman



**Pegawai Pembangunan Masyarakat**
Encik Wan Iskhan bin Ibrahim

# PENGURUSAN ORGANISASI

LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN 2011

# PENGURUSAN ORGANISASI

## HALA TUJU STRATEGIK

### Visi

Untuk menjadi peneraju utama yang progresif, dinamik dan berdaya maju bagi melaksanakan rangka kerja pengurusan dan pembangunan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman.

### Misi

Melaksanakan rangka kerja pengurusan dan pembangunan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman dengan cekap dan berkesan untuk menjamin kesejahteraan penduduk dan pelancong.

### Teras Strategik

- Memastikan pengurusan sumber asli yang mampan.
- Mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat.
- Memperkasakan keupayaan modal insan.
- Merealisasikan potensi pembangunan pelancongan.
- Melaksanakan transformasi jentera pentadbiran.

## PENTADBIRAN DAN PERJAWATAN

### Perjawatan

Kedudukan perjawatan Lembaga Pembangunan Taman sehingga 31 Disember 2011 adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah :-

***Jadual 1 : Kedudukan Perjawatan Tahun 2011***

| KUMPULAN PERKHIDMATAN | JUMLAH LULUS | PENGISIAN | | | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | TETAP | KONTRAK | | SAMBILAN | | |
| | | | BERWARAN | TIDAK BERWARAN | | | |
| Pengurusan & Profesional | 5 | 2 | 3 | - | - | | 5 |
| Sokongan | 38 | 31 | 5 | 1 | 11 | | 46 |
| **JUMLAH** | **43** | **33** | **8** | **1** | **11** | | **53** |

Daripada 43 jawatan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan Malaysia kepada Lembaga dua (2) jawatan iaitu Pembantu Kesihatan Awam (Gred U17) dan Pemandu Kenderaan (Gred R6) masih belum diisi secara hakiki.

Walaubagaimanapun, Pengurusan Lembaga telah meluluskan pelanjutan tempoh pelantikan contract for service pegawai Skim Perkhidmatan Singkat Pembantu Kesihatan Awam (Gred U17) yang sedang berkhidmat di Lembaga di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua bagi tempoh 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2011 sepertimana diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia. Namun begitu, sehingga hujung tahun semasa, Lembaga masih tidak mempunyai Pemandu Kenderaan (Gred R3) tetap yang berkelayakan untuk dilantik ke jawatan kenaikan pangkat sebagai Pemandu Kenderaan(Gred R6).

Selain itu, pekerja sambilan turut dilantik oleh Pengurusan Lembaga bagi menampung kekurangan jawatan yang diluluskan kepada Lembaga bagi melaksanakan fungsi-fungsinya dengan berkesan mengikut keperluan beban tugas semasa.

## Kursus / Bengkel / Latihan

Dalam tahun semasa, sebanyak 24 program-program latihan anjuran pelbagai jabatan di peringkat negeri dan juga persekutuan telah dihadiri oleh anggota perkhidmatan Lembaga. Antara kursus/bengkel/latihan tersebut adalah berkaitan dengan usaha-usaha penambahbaikan penyampaian perkhidmatan awam, pemantapan nilai-nilai murni dan kecemerlangan dalam perkhidmatan awam, peningkatan integriti, usaha-usaha pembudayaan kualiti yang meliputi kursus Amalan Persekitaran 5S dan MS ISO 9001:2008 dan juga kursus-kursus perkhidmatan. Statistik kehadiran kursus anggota perkhidmatan Lembaga bagi tahun 2011 adalah seperti dalam jadual 2.

***Jadual 2 : Statistik Kehadiran Kursus Anggota Perkhidmatan Lembaga Pembangunan Tioman Bagi Tahun 2011***

| BIL | BILANGAN HARI | BILANGAN ANGGOTA | PERATUS (%) |
|---|---|---|---|
| 1 | 7 | 2 | 3.8 |
| 2 | 6 | 0 | 0 |
| 3 | 5 | 0 | 0 |
| 4 | 4 | 1 | 1.9 |
| 5 | 3 | 7 | 13.2 |
| 6 | 2 | 16 | 30.2 |
| 7 | 1 | 23 | 43.4 |
| 8 | 0 | 4 | 7.5 |
| | **JUMLAH** | **53** | **100** |

Bagi tahun 2011, peratus pencapaian menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun bagi setiap anggota perkhidmatan sepertimana yang digariskan dalam Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam adalah masih rendah iaitu 3.8%. Perancangan yang lebih baik akan dilaksanakan pada tahun hadapan dengan mensasarkan 50% anggota perkhidmatan menghadiri sekurang-kurangnya 7 hari berkursus setahun melalui penganjuran kursus secara dalaman.

## Penempatan Pelatih

Dalam tahun 2011, seramai tujuh (7) orang pelajar-pelajar daripada Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta telah menjalani latihan praktikal di LPT selama tempoh tiga (3) hingga enam (6) bulan di Lembaga ini bagi memenuhi keperluan pengajian masing-masing.

Senarai Institut Pengajian dan bilangan pelatih yang terlibat adalah seperti Jadual 3 di bawah:-

*Jadual 3 : Penempatan Pelatih di Lembaga Pembangunan Langkawi Bagi Tahun 2011*

| BIL. | INSTITUT PENGAJIAN | TEMPOH MASA LATIHAN | BILANGAN PELATIH |
|---|---|---|---|
| 1 | Kolej Islam Antarabangsa | 6/12/2010 - 25/2/2011 | 1 |
| 2 | Kolej Profesional MARA Indera Mahkota | 13/12/2010 - 4/3/2011 | 3 |
| 3 | Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah | 29/11/2010 - 29/4/2011 | 1 |
| 4 | Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah | 4/7/2011 - 2/12/2011 | 1 |
| 5 | Politeknik Sultan Idris Shah | 4/7/2011 - 2/12/2011 | 1 |
| | JUMLAH | | 7 |

## USAHA KE ARAH PEMBUDAYAAN KUALITI

Dalam tahun 2011, Pengurusan Lembaga telah meneruskan pelaksanaan program-program pembudayaan kualiti dalam perkhidmatan awam yang masih belum selesai meliputi Pensijilan MS ISO 9001:2008, Amalan Persekitaran Berkualiti 5S dan Pemantapan Dokumen Manual Prosidur Kerja (MPK) dan Fail Meja (FM) serta Audit Nilai.

### Pensijilan MS ISO 9001 : 2008

Dalam tahun semasa, fokus pelaksanaan program adalah kepada penyediaan Dokumen-dokumen Kualiti oleh semua Bahagian/Unit di Lembaga. Pada 27-28.12.2011, Kursus Ulangkaji Dokumen Kualiti MS ISO 9001:2008 telah dilaksanakan bagi menyemak semua Dokumen-dokumen Kualiti Lembaga yang telah diwujudkan bagi memastikan kecukupan keperluan untuk mendapatkan pensijilan MS ISO 9001:2008. Proses pensijilan ini dijangka diselesaikan dalam suku tahun ketiga 2012.

### Amalan Persekitaran Berkualiti 5S

Usaha-usaha penambahbaikan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S yang telah dilaksanakan pada tahun 2010 diteruskan dalam tahun semasa bagi semua zon yang telah ditetapkan. Kerja-kerja amalan 5S di Zon Sri Juara di Pejabat Cawangan Pulau Langkawi telah dimulakan dalam tahun 2011 setelah bangunan pejabat tersebut yang mengalami beberapa kerosakan telah siap dibaiki pada akhir tahun 2010. Proses penambahbaikan ini akan diteruskan dari semasa ke semasa sehingga Lembaga memperolehi Sijil Amalan Persekitaran Berkualiti 5S.

**Pemantapan Dokumen Manual Prosidur Kerja dan Fail Meja**

Pada tahun 2011, Lembaga telah pun membuat kajian semula ke atas semua dokumen Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja. Sehingga akhir tahun semasa, Dokumen Kualiti yang telah diwujudkan oleh Bahagian-Bahagian / Unit-Unit di Lembaga untuk tujuan pensijilan MS ISO 9001:2008 masih dalam semakan dan belum mendapat kelulusan daripada Pengurusan Lembaga. Dokumen Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja bagi anggota perkhidmatan Lembaga akan dikemaskini dan diselaraskan mengikut Dokumen Kualiti MS ISO 9001:2008 setelah kelulusan diperoleh.

## PENGUKUHAN SEMANGAT BERPASUKAN DAN PENINGKATAN MOTIVASI

**Majlis Bersama Jabatan (MBJ)**

Dalam tahun 2011, Pengurusan Lembaga hanya dapat melaksanakan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan sebanyak dua (2) kali sahaja. Ini disebabkan beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan di samping ketiadaan isu dari pihak pekerja. Pengurusan Lembaga akan berusaha melaksanakan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan ini sebanyak empat (4) kali setahun mengikut takwim yang telah ditetapkan pada tahun hadapan.

**Program Utama**

*Anugerah Perkhidmatan Cemerlang*

Bagi meningkatkan motivasi serta kecemerlangan anggota perkhidmatan, Lembaga telah mengadakan Hari Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Majlis ini telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2009 dan 2011. Anugerah ini adalah bagi anggota perkhidmatan yang menunjukkan prestasi cemerlang pada tahun 2008, 2009 dan 2010. Seramai 12 orang anggota perkhidmatan telah dipilih untuk menerima anugerah ini. Penerima - penerima tersebut adalah seperti berikut :

*Jadual 4 : Senarai penerima Anugerah Tahun 2008 hingga 2010*

| PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG | | |
|---|---|---|
| **2008** | **2009** | **2010** |
| 1. Tuan Haji Ahmad Fauzi bin Abdul Majid | 1. Encik Baharuddin bin Wan Chik | 1. Puan Nurul Ain binti Ishak |
| 2. Tuan Haji Ismail bin Abu Bakar | 2. Cik Muhainah binti Akmar | 2. Encik Yusri bin Abd Samat |
| 3. Puan Romaiza binti Md Nor | 3. Puan Tengku Hasma Seri Dewi binti Tengku Husin | 3. Encik Rosli bin Osman |
| 4. Encik Saifulizam bin Abd Rahman | 4. Encik Rosman bin Mohd Usop | 4. Encik Azizul Fazli bin Ainnor |

Penambahbaikan Pentadbiran

Bahagian Perbandaran Dan Kerajaan Tempatan (BKT) secara berterusan melakukan peningkatan dan penambahbaikan terhadap pentadbiran bahagian supaya penyampaian perkhidmatan kepada penduduk lebih efektif dan berkesan. Dalam tahun semasa, penyusunan semula tugas dan tanggungjawab anggota mengikut unit dengan melantik seorang ketua bagi memastikan setiap anggota menjalankan tugas dengan lebih sempurna. Selain itu, pembaharuan terhadap 2 jenis borang iaitu Borang Aduan Awam LPT dan Borang Pengambilan Barang Runcit di Pasar Mini Peladang telah dibuat.

Penambahbaikan tatacara kerja-kerja khidmat Bandar juga dibuat melalui pelaksanaan:

a. Perluasan kawasan kerja-kerja pemungutan dan pengangkutan sampah ke kawasan Berjaya Tioman Beach Resort (BTBR) yang bermula pada 1 Julai 2011. Sebanyak 6 buah tong sampah telah diletakkan di beberapa lokasi di dalam kawasan tersebut bagi memudahkan pengumpulan sampah sebelum diangkut ke dalam loji sampah;

b. Program Kitar Semula dengan meletakkan tong-tong kitar semula di beberapa kawasan strategik di Pulau Tioman;

c. Kerja-kerja membersihkan pantai dengan menggunakan jentera pembersih pantai; dan

 

d. Kerja-kerja membersihkan sampah sarap yang hanyut, terapung dan di kawasan perangkap sampah Sg. Tekek.

 

Kerja-kerja membersihkan sampah sarap di sepanjang Sg. Tekek

Disamping itu, BKT juga meneruskan penganugerahan terhadap Pekerja Cemerlang sebanyak 4 kali setahun bagi anggota yang telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan baik. Penilaian kerja anggota adalah mengikut kriteria-kriteria berikut :-

a. Tahap disiplin setiap anggota di tempat kerja.

b. Kualiti dan kuantiti kerja yang tinggi.

c. Kebolehan melakukan lebih daripada satu kerja.

d. Komitmen terhadap kerja lebih masa seperti yang diarahkan oleh penyelia.

e. Kebolehan berkerjasama dengan anggota yang lain.

f. Jujur dan amanah

*Pasukan Tindakan Khas (PTK)*

Secara umumnya, pengujudan pasukan ini memberi impak yang positif dalam membantu mengendalikan kerja-kerja kecemasan serta tindakan awalan pembaikan dan pemulihan dengan cepat dan cekap ke arah perkhidmatan yang berkesan kepada penduduk.

Di sepanjang tahun 2011, anggota PTK, Lembaga Pembangunan Tioman telah melaksanakan sebanyak 22 kerja-kerja kecemasan di Pulau Tioman seperti dalam jadual 5 di bawah.

***Jadual 5 : Kerja-kerja Pasukan Tindakan Khas, Lembaga Pembangunan Tioman***

| BIL | KERJA-KERJA TINDAKAN KHAS | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | Kerja-kerja pembersihan dan pencucian longkang yang tersumbat di hadapan Tapak Semaian hingga ke Mango Grove. | 8 & 9 Jan 2011 |
| 2. | Kerja-kerja membaiki sarang tebuan di kawasan Taman Penanduk Kg. Tekek. | 19 Jan 2011 |
| 3. | Kerja-kerja penyelenggaraan pokok tumbang di laluan Bukit Berjaya dengan kerjasama anggota TNB. | 25 Jan 2011 |
| 4. | Kerja-kerja penyelenggaraan pokok tumbang di laluan Kedai Hasbul. | 27 Jan 2011 |
| 5. | Kerja-kerja penyelenggaraan pokok tumbang di kawasan Swiss Cottage bersama-sama penduduk di kawasan tersebut. | 27 Jan 2011 |
| 6. | Kerja-kerja kebersihan di Kuarters TDA (Jabatan Hutan) dan kawasan sekitarnya. | 29 Jan 2011 |
| 7. | Kerja-kerja penyelenggaraan pokok tumbang di laluan ke Dewan, kawasan Kuaters Imigresen dan laluan Bukit Berjaya. | 30 Jan 2011 |
| 8. | Kerja-kerja mencantas dahan-dahan pokok di sepanjang jalan dari kawasan Padang sehingga ke Bukit Berjaya. | 12 Mac 2011 |
| 9 | Kerja-kerja penebangan pokok tumbang di kawasan Air Terjun Asah, Kg. Mukut. | 8 April 2011 |
| 10. | Kerja-kerja mengalihkan pasir dan kayu di kawasan Sg. Tekek. | 3 Mei 2011 |
| 11. | Kerja-kerja kebersihan di Kompleks Sukan dan kawasan sekitarnya | 16 Julai 2011 |
| 12 | Kerja-kerja mencuci rumput di kawasan tanah perkuburan, Kg. Tekek. | 2[illegible] Julai 2011 |
| 13 | Kerja-kerja memindahkan kubur di tapak kawasan Perumahan Rakyat ke Tanah Perkuburan Islam Kg. Tekek. | 28 Julai 2011 |

| BIL. | KERJA-KERJA TINDAKAN KHAS | TARIKH |
|---|---|---|
| 14. | Kerja-kerja membersihkan sisa-sisa tumpahan minyak di pantai Pulau Tulai bersama-sama Anggota Jabatan Alam Sekitar. | 9 Sept 2011 |
| 15. | Kerja-kerja membakar sarang tebuan di 2 batang pokok ru di Kg. Salang. | 20 Sept 2011 |
| 16. | Kerja-kerja meracun rumput di kawasan longkang Kuarters JKR, Kg. Tekek. | 29 Sept 2011 |
| 17. | Kerja-kerja meracun rumput di kawasan Dewan, Kg. Tekek. | 18 Okt 2011 |
| 18. | Kerja-kerja membersihkan tempat simpanan barang bantuan banjir di Kuarters JKR, Kg. Tekek. | 20 Okt 2011 |
| 19. | Kerja-kerja membersihkan kawasan dewan Kg. Tekek. | 26 Okt 2011 |
| 20. | Kerja-kerja membersihkan longkang di kawasan Pejabat Kastam. | 30 Okt 2011 |
| 21. | Kerja-kerja membaiki kerosakan di dalam tandas Terminal Tekek. | 30 Okt 2011 |
| 22. | Kerja-kerja mengangkut sampah tidak luput (besi buruk, tin minuman, barangan elektrik yang rosak) di Kg. Salang dan Kg. Tekek. | 7 Dis 2011 |



Membakar sarang tebuan



Penebangan pokok tumbang

## ICT DALAM PENGURUSAN

### Laman Web Lembaga

Dalam tahun semasa, penambahan sumber maklumat organisasi Lembaga untuk makluman umum telah dimuatkan di dalam laman web rasmi Lembaga. Penambahan tersebut adalah seperti berikut:-

i. *Ruangan Direktori*

   Direktori kakitangan dengan memaparkan e-mail, telefon dan sambungan telefon bagi semua kakitangan.

E. *Ruangan Muat Turun*

Memuatkan bahan-bahan terbitan seperti laporan Tahunan Lembaga dan pelbagai borang yang boleh dimuat turun oleh orang awam.

Selain itu, kemudahan pautan capaian untuk semua kakitangan bagi sistem HRMIS juga telah ditambah kepada pelbagai saluran. Pertambahan ini adalah untuk mengelakkan masalah kepadatan capaian terhadap Aplikasi Sistem tersebut. URL yang telah ditambah ialah:-

i. https://internet.eghrmis.gov.my
ii. kontinum.eghrmis.gov.my
iii. hrmis.eghrmis.gov.my/myhrmis

Sejak tahun 2005, semua laman web agensi kerajaan telah dinilai mengikut kriteria tertentu oleh *Multimedia Development Corporation (MDeC)* bagi tujuan pewujudan Laman Web 5 Bintang. Kriteria -kriteria yang dinilai ini termasuklah aspek kandungan, keselamatan dan kemudah capaian. Hasil penilaian yang ini menunjukkan bahawa Laman Web Lembaga berada di *ranking* yang ke 56 daripada 768 Laman Web Agensi kerajaan dengan mendapat mata skor sebanyak 38 dan menerima 2 bintang. Hasil ini menunjukan peningkatan daripada 26 skor mata skor yang dicapai pada tahun 2010.

**Pengurusan Sistem HRMIS**

Bagi tahun semasa, empat (4) modul/submodul pengurusan sistem HRMIS telah diperakukan oleh Jawatankuasa Pelaksanaan HRMIS Peringkat Negeri Pahang sebagai 'Key Performance Indicator (KPI)' kepada Ketua-Ketua Jabatan di Negeri Pahang. Modul/submodul tersebut ialah Pengurusan Cuti, Pengisytiharan Harta, Pengurusan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Pengurusan Majlis Bersama Jabatan (MBJ)di samping tiga (3) modul/submodul yang telah dijadikan KPI bagi tahun 2010 iaitu modul/submodul Data Perjawatan, Pengurusan Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan. Walaupubagaimanapun, Kajian Semula Penetapan KPI HRMIS Negeri Pahang Tahun 2011 telah mendapati kesukaran memenuhi KPI bagi submodul Majlis Bersama Jabatan (MBJ), maka ianya digugurkan daripada KPI Ketua Jabatan Negeri

Pahang bagi tahun 2011. Pencapaian KPI HRMIS bagi Lembaga Pembangunan Tioman sehingga 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

***Jadual 6: Pencapaian KPI HRMIS Lembaga Pembangunan Tioman Bagi Tahun 2011***

| BIL. | MODUL/ SUBMODUL | PENCAPAIAN PENGEMASKINIAN (%) | WAJARAN KPI (%) | JUMLAH PENCAPAIAN KPI (%) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Data Perjawatan | 100% | 20% | 20% |
| 2. | Pengurusan Rekod Peribadi | 100% | 25% | 25% |
| 3. | Profil Perkhidmatan | 98.67% | 25% | 25% |
| 4. | Pengurusan Cuti | 52.54% | 10% | 6% |
| 5. | Pengisytiharan Harta | 0% | 10% | 0% |
| 6. | Sasaran Kerja Tahunan (SKT) | 0% | 10% | 0% |
| | | **JUMLAH KPI (%)** | **100%** | **76%** |

Pengurusan Lembaga telah membuat pemantauan secara berkala serta mengemaskini maklumat-maklumat di dalam modul-modul pengurusan Sistem HRMIS yang menjadi KPI kepada Ketua-Ketua Jabatan di Negeri Pahang tahun 2010 bagi memastikan pencapaian sasaran 100% sepertimana tahun lalu dapat dikekalkan. KPI bagi Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan telah diselaraskan semula mengikut standard yang ditetapkan oleh Setiausaha Kerajaan Pahang iaitu 95% ke atas bagi mencapai markah penuh.

Berdasarkan jumlah peratus markah yang diperolehi untuk semua kriteria yang dinilai, pencapaian KPI HRMIS Lembaga Pembangunan Tioman sehingga 31 Disember 2011 adalah **76%**. Pencapaian ini termasuk dalam kumpulan **On Target (OT) = 70%-<90%.**

## BELANJAWAN DAN KEWANGAN

### Bajet

Butir-butir peruntukan kewangan Lembaga Pembangunan Tioman yang telah diterima bagi tahun semasa adalah seperti jadual 7:

*Jadual 7 : Peruntukan Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman Bagi Tahun 2011*

| BIL. | SUMBER PERUNTUKAN | JUMLAH PERUNTUKAN (,000) (RM) |
|---|---|---|
| 1 | Terimaan dari Kerajaan Negeri Pahang | 2,300 |
| 2 | Terimaan dari Kerajaan Persekutuan | 0,576 |
| | **JUMLAH** | **2,876** |

## Pengurusan Hasil

*Kutipan Hasil*

Pada tahun semasa, Lembaga ini telah berjaya mengutip hasil sebanyak RM 638,830.33 seperti pecahan berikut :

| | Kutipan (RM) | % |
|---|---|---|
| a. Cukai Taksiran Am (CTA) | 410,896.24 | 64.32 |
| b. Lesen | 77,025.00 | 12.05 |
| c. Sewa Ruangniaga | 76,885.00 | 12.04 |
| d. Lain-lain Hasil | 74,024.09 | 11.56 |
| Jumlah | RM 638,830.33 | 100.00 |

*Prestasi Kutipan Hasil*

Pada keseluruhannya, Lembaga telah berjaya mengutip hasil Cukai Taksiran Am (CTA) sebanyak 89.22%, Sewa Ruangniaga sebanyak 84.68% dan lesen sebanyak 98.0%. Graf perbandingan hasil yang dikutip bagi tahun semasa dengan tahun sebelumnya adalah seperti di dalam rajah 1.

***Rajah 1: Perbandingan Prestasi Kutipan Hasil Lembaga Pembangunan Tioman Bagi Tahun 2011 dan 2010***




| | Cukai Taksiran Air | Lesen | Sewa Ruangniaga |
|---|---|---|---|
| 2010 (%) | 88.3 | 98.0 | 82.0 |
| 2011 (%) | 89.23 | 99.0 | 84.58 |

Lembaga menyedari bahawa kutipan hasil ini amat perlu dipertingkatkan lagi. Oleh itu, usaha-usaha melaksanakan kutipan luar ke premis-premis dibuat secara berterusan setiap minggu.

**Perbelanjaan**

Perbelanjaan yang telah dibuat pada tahun 2011 adalah seperti Jadual 8 di bawah:-

***Jadual 8 : Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan Lembaga Pembangunan Tioman Tahun 2011***

| BIL. | BUTIR PERBELANJAAN | JUMLAH DIBELANJA ('000) (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Belanja Mengurus | 2,778 |
| 2. | Belanja Pembangunan | 0,576 |
| | **JUMLAH** | **3,354** |

**Akaun**

Penyata Kewangan Beraudit Lembaga Pembangunan Tioman Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010 adalah seperti dilampirkan.

# PENGURUSAN SUMBER ASLI

LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN 2011

## PENGURUSAN SUMBER ASLI

### RANCANGAN TEMPATAN DAERAH (RTD) ROMPIN

Dalam Tahun 2011, Rancangan Tempatan Daerah (RTD) yang telah diwarta dan mula digunapakai pada 6 Disember 2007, telah dipinda bagi kawasan Pasir Sarang Burung, Mukut. Publisiti Draf Pengubahan RTD Rompin 2011 telah diadakan di Bangunan Terminal Jeti Jabatan Laut pada 28 Oktober 2011 hingga 28 November 2011. Sehingga tamat Publisiti Draf Pengubahan, tidak terdapat sebarang bantahan.

### KAWALAN PEMBANGUNAN

#### Guna Tanah

Dalam tahun semasa dua (2) permohonan perihal tanah telah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mendapat kelulusan dimana satu permohonan telah diluluskan dan satu lagi masih di dalam peringkat pertimbangan. Permohonan tersebut ialah :-

i. Permohonan Menukar Kategori Kegunaan Tanah dari Pertanian (Dusun) kepada Bangunan (Perniagaan - Hotel) bagi GM421 (Lot 894) Mukim Tioman, Daerah Rompin seluas 0.8149 Hektar, Mukim Tioman. (Lulus)
ii. Permohonan Untuk Pecah Bahagian Tanah bagi GM 135, Lot 78, Mukim Tioman, Daerah Rompin. (Dalam pertimbangan)

#### One Stop Centre (OSC)

Projek yang telah diberi kelulusan oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) LPT dalam Tahun 2011 adalah :-

*Kelulusan Kebenaran Merancang*

i. Cadangan Projek Pembaikan / Menaiktaraf jeti-jeti penumpang dan gunasama untuk Keselamatan di Pulau Tioman.

ii. Cadangan Projek Pembinaan Resort untuk tujuan pelancongan di Atas Lot 20&21 Pantai Sarang Burung, di Pulau Tioman.

*Pelan Bangunan*

i. Cadangan Projek Pembaikan / Menaiktaraf jeti-jeti penumpang dan gunasama untuk Keselamatan di Pulau Tioman.

ii. Cadangan Projek Pembinaan Resort untuk tujuan pelancongan di Atas Lot 20&21 Pantai Sarang Burung, di Pulau Tioman.

iii. Cadangan Membina dan Menyiapkan Pembangunan Resort 3 Tingkat (58 bilik penginapan) Di atas Lot 5016, di Kg. Salang, Mukim Tioman, Daerah Rompin, Pahang Darul Makmur.

## PENGURUSAN RIZAB HIDUPAN LIAR

Jabatan PERHILITAN telah menyiapkan Pelan Pengurusan Rizab Hidupan Liar Pulau Tioman. Laporan ini telah dijadikan asas bagi merancang pembangunan di kawasan terrestrial Pulau Tioman termasuk juga cadangan projek RMK-10. Produk dan aktiviti pelancongan di kawasan ini sedang dieksploitasikan bagi mempelbagaikan aktiviti pelancongan yang pada masa ini lebih tertumpu kepada pantai dan laut sahaja.

## PEMULIHAN PANTAI

Projek Pemulihan Pantai (Beach Nourishment) Kg. Tekek yang dilaksanakan oleh JPS melalui kontraktor MRCB telah disiapkan pada 31 Julai 2009. Pihak MRCB telah menyerahkan projek ini kepada JPS 14 Ogos 2009. JPS pula telah menyerahkan projek ini kepada Lembaga Pembangunan Tioman pada 8 Jun 2010. Tempoh penyelenggaraan dan kecacatan bagi projek ini selama 1 ½ tahun sehingga berakhir pada Julai 2011.

**PENGURUSAN EKO-SISTEM MARIN**

Kajian Conserving Marine Biodiversdiversity Through Enhanced Marine Park Management And Inclusive Sustainable Island Development di bawah kendalian Jabatan Taman Laut telah diuruskan dalam tahun ini. Projek ini dibiayai bersama oleh Kerajaan Malaysia dan UNDP – GEF.



# KUALITI HIDUP MASYARAKAT

LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN 2011

# KUALITI HIDUP MASYARAKAT

## INFRASTRUKTUR FIZIKAL

### Bekalan Air

Kerja pemasangan paip dari Pulau Tioman Laut ke Kg. Salang masih diperingkat mendapatkan izin masuk dari pemilik tanah persendirian. Pada masa ini loji Jabatan Bekalan Air di Kg. Tekek berupaya membekalkan air separa rawat 300,000 gpd berbanding penggunaannya 130,000 gpd.

### Telekomunikasi

Telekom Malaysia (TM) menyediakan kemudahan telekomunikasi sebanyak 840 talian menggunakan kemudahan 'radio direct feed' di semua penempatan utama kecuali di Kg. Mukut yang menggunakan sistem 'Code Division Multiple Acces' (CDMA). Di samping itu, sebanyak 45 talian kemudahan telefon awam juga telah disediakan.

Dalam tahun semasa semua kampung utama di Pulau Tioman telah mendapat perkhidmatan telefon selular yang disediakan samada oleh pihak TM, Digi, Celcom atau Maxis. Kemudahan internet – *streamyx* (Kg. Tekek sahaja) dan broadband juga disediakan di semua kampung.

## KEMUDAHAN SOSIAL

### Perumahan

Dalam tahun semasa bilangan penduduk di Pulau Tioman ialah 3,314 orang manakala bilangan rumah ialah 687 buah seperti **Jadual 9**.

***Jadual 9 : Bilangan Penduduk dan Kediaman Tahun 2011***

| Kampung | Bil. Rumah | Bil. Penduduk |
|---|---|---|
| Salang | 36 | 279 |
| Air Batang dan Tekek | 458 | 2,092 |
| Paya, Genting dan Lanting | 86 | 435 |
| Mukut | 41 | 225 |
| Juara | 62 | 283 |
| **Jumlah** | **687** | **3,314** |

Cadangan projek Perumahan Rakyat (PPR) Kg. Tekek masih belum dilaksanakan. Kementerian Kewangan telah menyerahkan pelaksanaan projek ini kepada Jabatan Perumahan Negara (JPN) dan satu mesyuarat penyelarasan telahpun dibuat pada 23 Mei 2011. Cadangan Pembinaan ialah 120 unit rumah jenis cluster.

### Ruang Niaga

Pelbagai jenis perniagaan dijalankan di penempatan-penempatan dimana kebanyakannya adalah bersaiz kecil yang diusahakan oleh penduduk tempatan. Bilangan dan jenis perniagaan yang dijalankan dalam tahun semasa adalah seperti **Jadual 10**.

***Jadual 10 : Ruang Niaga Di Pulau Tioman***

| BIL | NAMA KAMPUNG | DIVE SHOP | HIBURAN DAN REKREASI | MAKANAN | PERKHIDMATAN | RED PELBAGAI | PERUSAHAAN | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Salang | 4 | - | 11 | 21 | 7 | - | 43 |
| 2. | Air Batang | 4 | - | 18 | 10 | 10 | - | 42 |
| 3. | Tekek | 6 | 4 | 37 | 25 | 33 | 5 | 110 |
| 4. | Paya | 2 | 2 | 5 | 6 | 9 | | 22 |
| 5. | Genting | - | - | 19 | 14 | 9 | | 40 |
| 6. | Mukut | - | - | 9 | 7 | 5 | - | 21 |
| 7. | Juara | 2 | - | 11 | 4 | 9 | 1 | 27 |
| | JUMLAH | 21 | 6 | 107 | 88 | 75 | 6 | 305 |

### Kemudahan Masyarakat

Kerja-kerja pembinaan Kompleks Pendidikan Kg. Tekek sedang dilaksanakan dan projek ini dijangka akan disiapkan pada 15 Ogos 2013. Kemajuan fizikal hingga akhir tahun 2011 adalah 82%/54.08%.

## PENGURUSAN KESIHATAN

### Kawalan Penyakit

Aktiviti kawalan penyakit di Pulau Tioman dilakukan secara berterusan bersama-sama anggota Pejabat Kesihatan Daerah Rompin dalam membasmi kejadian penyakit Demam Denggi serta lain-lain penyakit yang berpunca daripada nyamuk. Walaubagaimanapun, Unit Vektor LPT sendiri telah mempunyai sasaran kerja secara

bejadual bagi aktiviti semburan fogging. Semburan ini dijalankan sebanyak 2 kali setahun di 7 buah kampung iaitu Kg. Mukut, Kg. Genting, Kg. Paya, Kg. Tekek, Kg. Juara, Kg. Air Batang dan Kg. Salang.

***Jadual 11 : Kerja-kerja semburan asap bagi kawalan penyakit bawaan vektor di Pulau Tioman***

| BIL | KAWASAN | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | **Kg. Juara** | |
| | - Semburan pertama | 21 Mac 2011 |
| | - Semburan kedua | 05 & 06 Mei 2011 |
| 2. | **Kg. Air Batang** | |
| | - Semburan pertama | 26 & 27 Julai 2011 |
| | - Semburan kedua | 06 Disember 2011 |
| 3. | **Kg. Genting** | |
| | - Semburan pertama | 12 & 13 Julai 2011 |
| | - Semburan kedua | 9 & 10 Nov 2011 |
| 4. | **Kg. Salang** | |
| | - Semburan pertama | 4 Mei 2011 |
| | - Semburan kedua | 5 Disember 2011 |
| 8. | **Kg. Tekek** | |
| | - Kuarters JKR sehingga Pejabat TDA dan kawasan sekitarnya. | 12 April 2011 |
| | - Kuarters Poladang sehingga Kuarters Airport dan kawasan sekitarnya. | 13 April 2011 |
| | - Rumah Murah ke Kuarters Taman Laut dan sekitarnya. | 15 April 2011 |
| 9. | **Kg. Paya** | |
| | - Semburan pertama | 14 Julai 2011 |
| | - Semburan kedua | 11 Nov 2011 |
| 11. | **Kg. Mukut** | 6 April 2011 |





kerja-kerja semburan asap (fogging) bagi kawalan nyamuk oleh anggota Lembaga Pembangunan Tioman

## Kawalan Mutu Makanan

Pada tahun 2011, Pengurusan Lembaga bersama-sama Pegawai daripada Pejabat Kesihatan Rompin telah menjalankan pemeriksaan kebersihan premis makanan di Pulau Tioman sebanyak 2 kali setahun. Aktiviti ini dilakukan bagi mengesan dan mencegah daripada berlakunya kes keracunan makanan yang berpunca daripada makanan yang tidak bersih dan tidak selamat. Rating penggredan yang diberikan mengikut markah seperti berikut :

i. Gred A : 90% - 100%
ii. Gred B : 75% - 89%
iii. Gred C : 65% - 74%



Pemeriksaan kebersihan premis makanan bersama-sama anggota Jabatan Kesihatan

***Rajah 3 : Perbandingan prestasi pemeriksaan kebersihan pertama dan kedua di premis makanan di Pulau Tioman***




| | A | B | C |
|---|---|---|---|
| ■ Pemeriksaan pertama | 17 | 40 | 17 |
| ■ Pemeriksaan kedua | 22 | 45 | 13 |

Jenis gred



Kursus Pengendalian Makanan di Kg. Salang

Bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan amalan-amalan kebersihan yang perlu ada dikalangan pengendali-pengendali makanan, Pihak Lembaga telah melaksanakan 2 kali kursus pengendali makanan di Kg. Salang dan Kg. Genting pada tahun 2011. Seramai 63 orang telah menyertai kursus tersebut. Selain dari itu terdapat juga pengajar daripada Sekolah Latihan Pengendali Makanan lain yang telah mengadakan kursus ini. Kursus tersebut dijalankan di Berjaya Tioman Beach Resort yang dihadiri oleh 114 orang peserta.

**Promosi Kesihatan**

Dalam tahun 2011, Program Jiwa Murni sempena dengan Acara Sultan Ahmad Shah Tioman International Eco-Challenge masih lagi merupakan aktiviti tahunan bagi promosi kesihatan terhadap penduduk di Pulau Tioman. Program ini dikendalikan oleh Pasukan Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia bersama-sama anggota Klinik Kesihatan, Kg. Tekek. Perkhidmatan yang telah diberikan adalah pemeriksaan kesihatan tubuh badan, pemeriksaan tekanan darah, pemeriksaan gigi dan lain-lain penyakit.

Selain itu, promosi kesihatan berkaitan pengawalan dan pencegahan demam denggi juga dilakukan oleh Unit Vektor LPT bersama-sama anggota Pejabat Kesihatan Rompin. Aktiviti ini melibatkan pemberian pamphlet supaya membersihkan kawasan rumah dalam masa 10 minit serta memberi nasihat kepada penduduk berkaitan cara untuk mengawal demam denggi dengan memutuskan kitaran awal nyamuk Aedes.

## PENGURUSAN KUMBAHAN

**Projek Jangka Panjang**

Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP) telah bercadang untuk membina Loji Rawatan Kumbahan Berpusat dan Rangkaian Paip Pembentungan di Kg. Salang dan Kg. Tekek Pulau Tioman, tetapi tidak dapat dilaksanakan di dalam RMK -10. Pengambilan balik tanah telah dibuat oleh JPP tetapi sehingga kini projek ini telah ditangguhkan.

## PENGURUSAN SISA PEPEJAL

**Pemungutan Berkesan**

Pelupusan sisa pepejal di Pulau Tioman diuruskan oleh Lembaga Pembangunan Tioman. Pemungutan dan pengangkutan sisa pepejal di Kg. Tekek dilaksanakan oleh anggota Lembaga manakala di Kg. Salang, Kg. Air Batang, Kg. Paya, Kg. Genting dan Nipah, sisa pepejal ini diangkut dengan menggunakan bot dan dihantar ke tapak pelupusan Kg. Tekek oleh JKK kampung berkenaan. Sisa Pepejal di Kg. Mukut dan Kg.

Juara, diuruskan oleh JKK kampung berkenaan dengan pelupusan dilupuskan secara dibakar atau ditanam di atas tanah persendirian yang disewa oleh JKK kampung.

Pada 1 Julai 2011 Lembaga telah mengambil alih pemungutan dan pengangkutan sisa pepejal di dalam kawasan BTBR. Lembaga juga sentiasa memastikan kerja-kerja penambahbaikan lagi pengurusan sisa pepejal di Pulau Tioman sentiasa dilakukan secara berterusan. Pengurusan sisa pepejal yang berkesan meliputi pelaksanaan kerja pengangkutan sampah dengan baik, cara mengangkat tong ke lori, cara meletakkan semula tong ke tempat asal, membersihkan sampah-sampah yang jatuh di kawasan tong dan sebagainya supaya mutu kerja setiap Anggota dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.





Kerja-kerja memungut dan mengangkut sampah di kawasan BTBR

**Naik Taraf Sistem Pengangkutan sampah**

Dalam tahun ini pihak Lembaga telah melaksanakan kerja-kerja pemungutan sampah pejal seperti besi-besi buruk, tin-tin, perabot-perabot rosak, alat-alat elektrik dan lain-lain sampah pejal kering yang dibuang oleh penduduk di Kg. Air Batang dan Kg. Salang. Sampah pejal ini diangkut menggunakan 'slow boat' jika dalam kuantiti yang banyak dan menggunakan 'speedboat' sekiranya dalam kuantiti yang sedikit ke Sg. Tekek untuk dilupuskan ke tapak pelupusan Kg. Tekek.





Pengangkutan sampah-sampah pejal dari Kg. Salang ke Kg. Tekek oleh Anggota Lembaga





Incinerator baru di Kg. Tekek, Pulau Tioman

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melantik kontraktor bagi projek pembinaan insinerator baru di Kg. Tekek, Pulau Tioman. Projek ini telahpun mendapat lanjutan masa kali kedua sehingga 6 Julai 2011. Kerja-kerja fizikal telahpun siap tetapi kerja-kerja penyambungan elektrik oleh pihak TNB masih belum dilaksanakan.

**Pelaksanaan Program Kitar Semula, Pengasingan Sampah dan Pendidikan**

Pada tahun 2011, Pihak Lembaga telah berjaya melaksanakan Program Kitar Semula secara berperingkat di Pulau Tioman. Walaupun kesedaran terhadap kitar semula sampah masih lagi kurang di kalangan penduduk tetapi usaha-usaha bagi memberi kefahaman, kesedaran kepada masyarakat supaya lebih prihatin terhadap isu ini dibuat secara berterusan. Sebanyak 7 buah tong kitar semula telah ditempatkan di kawasan strategik seperti di dalam jadual 12:

***Jadual 12 : Kawasan-kawasan Peletakkan Tong Kitar Semula***

| Kawasan | Bil tong | Tarikh |
|---|---|---|
| Berjaya Tioman Beach Resort | 2 set | 15 Jun 2011 |
| Pusat Taman Laut | 1 set | 20 Sept 2011 |
| Jabatan Laut | 1 set | 20 Sept 2011 |
| Paya Beach Resort | 1 set | 30 Sept2011 |





Set Tong Kitar Semula di BTBR dan Pusat Taman Laut



# MODAL INSAN

LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN 2011

# MODAL INSAN

## PROGRAM KEUSAHAWANAN

Hampir keseluruhan bidang keusahawanan di Pulau Tioman berasaskan aktiviti pelancongan. Aktiviti mengusahakan rumah penginapan, perkhidmatan bot sewa, perniagaan kedai makan, kedai runcit dan kedai cenderamata serta kraftangan merupakan antara bidang yang menjadi tumpuan penduduk. Segelintir penduduk pula menceburkan diri dalam bidang pembinaan yang kebanyakannya menjurus kepada infrastruktur pelancongan. Sehingga akhir tahun semasa, bilangan kontraktor tempatan di Pulau Tioman adalah 9 orang. Pengurusan Lembaga dari masa ke semasa berusaha meningkatkan lagi mutu kontraktor tempatan ini dengan menawarkan kerja-kerja kontrak menerusi sebutharga atau tender Lembaga. Kontaktor tempatan juga telah disyorkan supaya bergabung samada dalam bentuk konsortium dan lain-lain bagi membolehkan mereka membida tender yang lebih besar yang menjanjikan pulangan yang bersifat gandu di masa depan.

Dalam tahun semasa, penubuhan Koperasi Anak Tioman dibawah kelolaan Jabatan Taman Laut Malaysia adalah salah satu usaha ke arah pengembelingan dan penglibatan penduduk secara aktif dalam bidang keusahawanan.

Lain-lain kerjasama dengan agensi-agensi samada kerajaan mahupun swasta dalam memberi bimbingan berterusan kepada usahawan tempatan serta usaha-usaha mengwujudkan usahawan baru adalah seperti di Jadual 13.

***Jadual 13 : Kursus Keushawanan : Kerjasama Dengan Agensi Lain***

| TARIKH | AGENSI | TEMPAT | SKOP | BIL PESERTA |
|---|---|---|---|---|
| 12 Febuari | Kolej Komuniti Rompin | Kg Genting | Melahirkan usahawan berasaskan makanan (kek dan roti) | 20 |
| 13 Febuari | Kolej Komuniti Rompin | Kg Tekek | Melahirkan usahawan berasaskan makanan (biskut dan wafer) | 12 |

| TARIKH | AGENSI | TEMPAT | SKOP | BIL PESERTA |
|---|---|---|---|---|
| 9 Mei | Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) | Kg Tekek | - Pendaftaran perniagaan baru<br>- Sesi taklimat / bimbingan usahawan<br>- Pembaharuan pendaftaran perniagaan | 24 |

## EKONOMI DESA

Sektor ekonomi desa di Pulau Tioman masih luas untuk diteroka. Lembaga Pembangunan Tioman dari masa ke semasa berusaha untuk meningkatkan lagi keupayaan penduduk dalam mengeluarkan hasil kraf seperti kraftkayu, tempurung kelapa dan kraftbatik (lukis) yang diusahakan oleh penduduk secara kecil-kecilan dengan kerjasama agensi berkaitan seperti Lembaga Pertubuhan Peladang, FAMA, Perbadanan Kraftangan Malaysia, Jabatan Pertanian, KEMAS, Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP) dan juga RISDA.

Dalam tahun semasa, Perbadanan Kraftangan Malaysia Cawangan Pahang telah mengadakan sebanyak 2 kali kursus Mencanting Batik sepertimana dalam Jadual.

***Jadual 14 : Kursus Mencanting Batik***

| TARIKH | TEMPAT | JENIS KURSUS | BILANGAN PESERTA |
|---|---|---|---|
| 15 Nov 2010 - 15 Feb 2011 | Kg Genting | Latihan Jangka Pendek | 8 |
| 9 - 12 Febuari | Kg Genting | Motif alam | 10 |

Tiga pengusaha batik lukis yang telah berjaya diwujudkan terus di pantau secara berterusan oleh lembaga dan juga Perbadanan Kraftangan Malaysia Cawangan Pahang yang menghulurkan bantuan berupa khidmat nasihat pemasaran. Pengusaha yang terlibat adalah seperti dalam jadual di bawah.

***Jadual 15***

| BIL | NAMA SYARIKAT / PENGUSAHA | LOKASI |
|---|---|---|
| 1 | Norman Batik / Arman bin Arifin | Kg. Salang |
| 2 | Suriagedeng Batik/ Suradi bin Mohad | Kg. Genting |
| 3 | Norita Batik/Norita Nazi | Kg. Air Batang |

Dalam usaha menaikkan taraf ekonomi penduduk, pihak MUIP pula telah member bantuan berupa peralatan ekonomi melalui Program Asnaf Zakat kepada peserta seperti dalam jadual di bawah.

***Jadual 16 : Penerima Bantuan Peralatan Ekonomi dari MUIP***

| BIL | NAMA PENERIMA / PERALATAN | LOKASI |
|---|---|---|
| 1 | Rahiah bt Mat Nor / Mesin Jahit | Kg. Juara |
| 2 | Zabar bin Othman / Injin bot 40KK | Kg. Tekek |

**KEMASYARAKATAN**

Dari semasa ke semasa pentadbiran Lembaga sentiasa mengatur dan melaksanakan program gotong-royong untuk memastikan dan meningkatkan tahap kebersihan di Pulau Tioman serta mencegah berlakunya kejadian penyakit berjangkit seperti demam denggi, cikungunya dan lain-lain di samping dapat mewujudkan hubungan yang baik dengan penduduk, agensi-agensi/ jabatan-jabatan serta masyarakat. Pada tahun ini pihak Lembaga telah menetapkan sasaran sebanyak 12 kali program gotong-royong dan telah berjaya mencapai sasaran tersebut. Program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :-

***Jadual 17 : Program Gotong-Royong yang telah dilaksanakan bagi tahun 2011 di Pulau Tioman***

| BIL | PERKARA | TARIKH | PENGLIBATAN PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | Gotong-royong membersihkan kawasan semak-samun di belakang gerai komcalwa dan di belakang kuaters DCA di Kg. Tekek. | 22 Januari 2011 | 19 orang |
| 2. | Gotong-royong mengangkut sampah termasuk sampah tidak lupus di tapak pengumpulan sampah Kg. Air Batang. | 23 Januari 2011 | 20 orang |
| 3. | Gotong-royong membersihkan kawasan tanah perkuburan di Kg. Tekek bersama-sama YB Adun Tioman. | 15 Februari 2011 | 50 orang |
| 4. | Gotong-royong menebang pokok mati di laluan antara Restoran Persona dan Pasar Mini Impian, Kg. Tekek. | 4 April 2010 | 48 orang |
| 5. | Gotong-royong membersihkan kawasan dari sempadan BIBR sehingga ke Babura di Kg. Tekek. | 19 Februari 2011 | 35 orang |
| 6. | Gotong-royong membersihkan kawasan di Bangunan Tadika, Tekek dan sekitarnya. | 2 Februari 2011 | 40 orang |

| BIL | PERKARA | TARIKH | PENGLIBATAN PESERTA |
|---|---|---|---|
| 7. | Gotong-royong membersihkan kawasan pantai dari sempadan Jabatan Laut sehingga ke Jambatan Anjang Mubin, Kg. Tekek | 4 April 2011 | 30 orang |
| 8. | Gotong-royong membersihkan kawasan Kg. Mukut, kawasan masjid dan Air Terjun Asah | 9 April 2011 | 40 orang |
| 9. | Gotong-royong membersihkan kawasan sekitar Sg. Tekek dan tempat letak bot | 22 April 2011 | 30 orang |
| 10. | Gotong-royong membersihkan kawasan di sempadan Pejabat TDA dan Sofea Utama Chalet, Kg. Tekek | 6 Mei 2011 | 30 orang |
| 11. | Gotong-royong membersihkan kawasan pantai dari Jeti Kargo ke Swiss Cottage di Kg. Tekek bersama-sama Spansion Group | 16 Mei 2011 | 31 orang |
| 12. | Gotong-royong membersihkan pantai Pulau Tulai bersama-sama anggota JKKK Salang. | 25 Mei 2011 | 32 orang |
| 13. | Gotong-royong membersihkan pantai di Kg. Salang | 21 Julai 2011 | 40 orang |
| 14. | Gotong-royong membersihkan kawasan tanah perkuburan dan pantai, Kg. Tekek | 22 Julai 2011 | 70 orang |



Gotong-royong membersihkan Tanah perkuburan Kg. Mukut



Gotong-royong membersihkan Pantai bersama Spansion Group, KL

**KEROHANIAN**

Aspek kerohanian menjadi asas utama dalam pembangunan modal insan. Kesyumulan Islam selaku agama rasmi negara terus dijaga demi keharmonian hidup bermasyarakat di Pulau Tioman ini. Program kerohanian yang telah dijalankan dalam tahun semasa bagi tujuan ini adalah seperti dalam Jadual 18.

*Jadual 18*

| BIL | PROGRAM | TARIKH | ANJURAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Asnaf Zakat 2011 Zon Tioman siri 1 | 24 - 25 Mac | MUIP |
| 2. | Program Sayang Di Sayang (Kg Mukut) | 25 – 26 Mac | JAIP |
| 3. | Asnaf Zakat 2011 Zon Tioman siri 2 | 22 - 24 April | MUIP |
| 4. | Zakat dan anda | 18 - 20 Mei | PPZ Pahang |
| 5. | Forum Perdana (Dataran Tioman) | 25 Julai | JAIP/ KDN |
| 6. | Kursus Pengurusan Masjid dan surau (Masjid Kg. Tekek) | 26 Julai | JAIP |
| 7. | Program Keluarga Bahagia | 28 - 29 Julai | KEMAS Rompin |
| 8. | Majlis berbuka, berterawih dan bersahur bersama masyarakat Tioman | 14 - 15 Ogos | Pejabat ADUN Tioman |
| 9. | Asnaf Zakat 2011 Zon Tioman siri 3 | 18 Ogos | MUIP |
| 10 | MUIP dan masyarakat | 6 Oktober | MUIP |

# PELANCONGAN

LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN 2011

# PELANCONGAN

## PRODUK

### Aktiviti Rekreasi Laut Dan Pantai

Kira-kira 80% aktiviti pelancongan di Pulau Tioman tertumpu ke laut dan pantai dimana pulau-pulau Taman Laut yang masih terpulihara khazanah alamnya menjadi daya tarikan utama. Aktiviti popular ini ialah rekreasi pantai, snorkeling, selam scuba, berkayak, meluncur (ombak dan layar), lawatan ke pulau-pulau dan memancing laut dalam (jarak 2 batu nautika dari pantai bagi pulau Taman Laut).

Dalam tahun semasa Pihak Lembaga telah membantu melaksanakan beberapa acara yang diterajui oleh pihak swasta dalam mempromosikan aktiviti rekreasi laut dan pantai. Acara-acara ini adalah seperti di dalam Jadual 19.

***Jadual 19 : Acara Pelancongan Berasaskan Aktiviti Laut.***

| BIL | NAMA PROGRAM / TEMPAT | TARIKH | PENGANJUR | CATITAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Marine Camp / Kg Genting | 12 – 15 Mac | Villagers Travel & Tours | 106 peserta |
| 2 | Kids Scuba Camp / Kg Salang | 4 – 6 Jun | SSI | 40 peserta |
| 3 | SIT 1 Malaysia Dive / Kg Genting | 25-29 Mei | Villagers Travel & Tours | 45 peserta |
| 4 | Royal Pahang Billfish International Challenge / Kg Tanjut | 23 - 25 September | Berita Harian | 71 peserta (36 peserta luar negara) |

### Pembangunan Industri Pelayaran

Pembinaan marina awam di Kg Tekek ternyata dapat membantu pembangunan industri pelayaran di Pulau Tioman. Sebanyak 207 buah kapal layar singgah di marina awam Tioman pada tahun 2011 dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM 500 sehari bagi setiap kapal layar. Terdapat kapal layar yang singgah di Pulau Tioman sehingga tempoh 3 bulan kerana sinergi alam semulajadi dan kemudahan marina di sini.

Dalam usaha untuk menyemarakkan lagi industri pelayaran di Tioman Syarikat Pailin Asia dengan kerjasama Lembaga telah menganjurkan program Sail Malaysia Passage To the East pada 22 – 23 Mei. Program ini telah berjaya menarik seramai 70 pelayar dengan 33 buah kapal layar dari 10 buah negara iaitu Australia, UK, USA, France, British Virgin Island, Scotland, Canada, South Africa, Switzerland dan Germany.

**Pembangunan Aktiviti Daratan**

Kembara hutan dan 'rock climbing' merupakan aktiviti daratan yang sedang meningkat naik di Pulau Tioman. Dalam usaha membangunkan aktiviti ini Lembaga dengan kerjasama Jabatan Perhutanan telah membuat 'tagging' kepada pokok-pokok berdasarkan spesis yang dikenalpasti disepanjang laluan kembara dari Kg Tekek ke Kg Juara. Usaha ini akan diteruskan dari masa kesemasa sehingga meliputi keseluruhan laluan kembara yang telah dikenalpasti.

Penganjuran Acara Sultan Ahmad Shah Tioman International Eco-Challenge kali keempat pada tahun semasa juga membantu perkembangan aktiviti daratan ini. Laluan perlumbaan yang merangkumi nilai-nilai sejarah dan alam semulajadi menjadi tarikan peminat sukan lasak ini. Acara tahun ini yang telah diadakan pada 14 Mei 2011 melibatkan seramai 180 peserta yang mengambil bahagian dalam kategori Tempatan dan Antarabangsa. Bagi tahun ini peserta luar negara berasal dari negara Singapura, Australia, Kenya, Russia, Thailand dan Brunei.

Bagi memastikan aktiviti 'rock climbing' terus menjadi salah satu pilihan penggemar aktiviti lasak ke Pulau Tioman, sekumpulan belia dari Kg Juara dan Kg Genting telah dipilih untuk dijadikan 'guide master' atau 'belayer' kepada pendaki yang berkunjung ke Pulau Tioman. Lokasi mendaki popular yang telah dilengkapkan dengan fasiliti khas hasil projek Lembaga terdahulu adalah di Kg Nipah (JKKK Kg Genting) dan Telok Baru (JKKK Kg Juara). Belia-belia ini telah ditauliahkan hasil dari kursus dan pertandingan yang dijalankan oleh Lembaga dalam tahun terdahulu. Dalam tahun semasa, Lembaga telah meminjamkan peralatan mendaki kepada Belia Kg Juara bagi meningkatkan keselamatan para pendaki.

### Mewujudkan Aktiviti Musim Tengkujuh

Pola kedatangan pelancong ke Pulau Tioman menunjukkan ciri-ciri lawatan bermusim. Musim tengkujuh telah menunjukkan penurunan kedatangan pelancong yang ketara di sini. Pihak Lembaga cuba mengambil inisiatif dengan memanafaatkan fenomena alam dalam musim ini untuk mewujudkan aktiviti pelancongan yang baru. Hasilnya aktiviti meluncur ombak telah mula mendapat tempat di Pulau Tioman. Dalam tahun semasa di sepanjang bulan Januari, Febuari, November dan Disember kedatangan pelancong untuk meluncur ombak di Pulau Tioman mencecah sehingga 100 orang seminggu. Pusat meluncur telah berkembang dari Kg Juara hingga ke Kg. Salang. Aktiviti meluncur ini berpotensi untuk merealisasikan hasrat Lembaga dalam menjadikan Pulau Tioman sebagai destinasi unggul pelancongan disepanjang tahun.

## AKSESSIBILITI

### Jeti

Jeti Tanjung Gemuk, Rompin dan Jeti Mersing, Johor merupakan akses utama melalui laut ke Pulau Tioman. Operasi kedua-dua jeti ini adalah dibawah seliaan Jabatan Laut. Penumpang dari Tanah Besar akan diturunkan ke jeti-jeti kecil disetiap kampung mengikut halatuju masing-masing. Bagi mempastikan keselesaan berterusan pelancong yang datang ke Pulau Tioman, kerja-kerja menaiktaraf jeti telah dilakukan berdasarkan keperluan semasa. Dalam tahun 2011, jeti dan Pejabat Pelabuhan Kg Tekek telah siap dinaiktaraf bagi memberikan kemudahan dan keselesaan yang lebih baik kepada pengguna.

### Feri

Perkhidmatan feri yang berpangkalan di Jeti Tanjung Gemok dikendalikan oleh Bintan Gemilang Shipping Sdn. Bhd. dan Gemilang Makmur Sdn. Bd. secara berjadual dengan feri berkapasiti 81 – 140 penumpang bagi perjalanan dari Tanah Besar ke Pulau Tioman dan sebaliknya. Jadual perjalanan feri bagi setiap syarikat perkhidmatan ini hanyalah 1 kali sehari. Walaubagaimanapun kekerapan perjalanan akan ditambah apabila menerima tempahan khusus terutamanya secara pakej dan bergantung

kepada bilangan penumpang bagi menampung kos pengangkutan. Pihak Lembaga sentiasa berusaha mempromosikan penggunaan perkhidmatan feri di Tg Gemok ini. Penyelarasan tempahan secara pukal bagi petugas dan mereka yang terlibat di dalam setiap acara kendalian Lembaga dibuat menerusi perkhidmatan feri di sini. Direktori syarikat perkhidmatan feri di Tanjung Gemok ini turut dimuatkan dalam website milik Lembaga (www.tioman.gov.my) bagi membantu promosi.

Perkhidmatan feri yang beroperasi dari Mersing adalah sebagai alternatif kepada pelancong terutama yang datang dari selatan Semenanjung Malaysia dan Singapura. Jadual perjalanannya lebih kerap dan bilangan feri yang beroperasi lebih banyak. Namun begitu, perjalanan feri ini bergantung kepada pasang surut air laut.

**Lapangan Terbang**

Kemudahan pengangkutan udara ke Pulau Tioman masih dijalankan oleh Berjaya Air menggunakan pesawat Dash 7 (48 penumpang) melalui Lapangan Terbang Subang di Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Changi di Singapura. Kekerapan perkhidmatan udara ini adalah seperti berikut:

- Subang – Pulau Tioman – 2 penerbangan setiap hari dan 4 penerbangan pada musim puncak.
- Changi – Pulau Tioman – 2 penerbangan setiap hari

Walaubagaimanapun, kekerapan penerbangan ini akan ditambah bergantung kepada permintaan. Kerajaan sedang berusaha untuk menaiktaraf prasarana sedia ada untuk membolehkan pesawat yang lebih besar mendarat bagi membawa pelancong dalam bilangan yang lebih besar bagi setiap penerbangan ke Pulau Tioman. Usaha ini selari dengan hasrat Lembaga menjadikan Pulau Tioman ini sebuah destinasi unggul untuk pelancong dari golongan mewah disamping pelancong dari golongan sederhana.

## KEMUDAHAN PELANCONGAN

### Penambahbaikan/Naik Taraf Premis Penginapan

Industri pelancongan di Pulau Tioman juga tidak terlepas dari gelombang urbanisasi terutama dari aspek premis penginapan. Premis yang mempunyai segala fasiliti yang bertaraf dunia serta nilai estetika yang terpuji mampu menjadi nilai tambah kepada industri ini di Pulau Tioman.

Dalam tahun semasa, kerja-kerja menaiktaraf premis sedleda sedang giat dilakukan oleh pemilik masing-masing iaitu di Kg Genting (Damai Resort, Happy Inn dan Idaman Beach Resort) dan di Kg Juara (Qaisara Chalet). Manakala cadangan naiktaraf untuk Salang Indah Resort kepada penginapan bertingkat yang lebih moden dan terkini di Kg Salang juga sedang di dalam proses kelulusan pelan yang diuruskan oleh Lembaga.

### Cadangan Pembangunan Penginapan Yang Baru

Dalam tahun semasa, Lembaga telah memproses dua permohonan untuk membina premis penginapan yang baru iaitu Projek Pembinaan Resort di Kg Sarang Burung berhampiran Kg Mukut dan Pembinaan Resort di Pulau Acheh.

### Pembangunan Kemudahan Perniagaan

*Kompleks Bebas Cukai*

Selaras dengan taraf pulau bebas cukai yang nikmati oleh Pulau Tioman, kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) telah membina Kompleks Perniagaan Bebas Cukai Pulau Tioman yang telah beroperasi dimana lapan unit penyewa kedai telah menjalankan perniagaan dalam tahun semasa. Bagi menyemarakkan lagi perniagaan di kompleks ini, kerajaan berusaha membina jalan masuk yang lebih dekat dengan jalan utama dimana proses pengambilan balik tanah bagi tujuan ini sedang berjalan.

*Kompleks Pintu Masuk*

Jabatan Laut Semenanjung Malaysia telah menaiktaraf jeti penumpang Kg Tekek yang merupakan pintu masuk utama ke Pulau Tioman. Dalam memperlengkap dan

meningkatkan nilai estetika pintu masuk ini. Lembaga dengan kerjasama sebuah syarikat swasta akan melaksanakan pembinaan kompleks perniagaan di sini.

## PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN PELANCONGAN

Tahap perkhidmatan pelancongan di Pulau Tioman terus diberi perhatian khusus oleh Lembaga. Justeru itu kursus-kursus khas untuk barisan hadapan (front liner) yang terlibat dalam industri ini turut diadakan dalam tahun semasa. Kursus-kursus yang telah dijalankan adalah seperti dalam Jadual berikut:

***Jadual 20 : Kursus Untuk" Frontliner" 2011 Yang Telah Diadakan***

| TARIKH | AGENSI | TEMPAT | SKOP | BIL. PESERTA |
|---|---|---|---|---|
| 19 – 20 April | Jabatan Taman Laut Malaysia | Pesona Resort, Kg Tekek | Amalan pelancongan terbaik dan peka alam sekitar | 19 |
| 21 Mei | Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Negeri Pahang | Peladang Inn, Kg Tekek | Asas menyelamat | 23 |
| 2 – 5 Jun | Persatuan Berkayak Malaysia dan Juara Outwards Bound S/B | Kg Juara | Kompeten penyelamat Tahap 1 dan 2 | 9 |
| 26 – 27 Jun | Kementerian Pelancongan Malaysia (KPLM) Negeri Pahang | Peladang Inn, Kg Tekek | Mesra 1 Malaysia | 35 |
| 10 – 27 Oktober | PERHILITAN / KPLM / Jabatan Taman Laut Malaysia | Marine Park, Kg Tekek | Pemanduan Pelancong Alam Semulajadi Setempat (Tahap 2) | 15 |
| 11 – 13 Oktober | Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Neg | Marine Park, Kg Tekek | Asas Pertahanan Awam | 22 |
| 22 – 26 Disember | GiatMara Rompin | TDA, Kg Tekek | Kursus Pelancongan - SPA | 14 |
| | | Pesona Resort, Kg Tekek | Kursus Pelancongan - Fotografi | 16 |

**PEMASARAN**

Pada tahun 2011, pihak Lembaga telah berusaha lebih giat lagi dalam memasarkan Pulau Tioman bagi mengekalkan imejnya sebagai sebuah destinasi percutian yang unggul supaya pulau ini tetap menjadi pilihan pelancong.

**Pembangunan Sistem Maklumat Pelancongan**

*Laman Web Lembaga*

Maklumat mengenai resort-resort yang terdapat di Pulau Tioman dari segi bilangan, penganjuran aktiviti dan acara pelancongan dan juga kemudahan yang ditawarkan kepada pelancong dikemaskini dari masa ke semasa melalui laman web lembaga (www.tioman.gov.my).

*Brosur*

Dalam usaha memasarkan produk pelancongan di Pulau Tioman secara berterusan Pihak Lembaga telah menjalin kerjasama dengan agensi agensi yang berkaitan supaya aktiviti ini lebih berkesan dan nampak berterusan. Dalam tahun 2011, Lembaga dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser telah mencetak semula 3,000 keping brosur mengenai Pulau Tioman, untuk diedarkan bagi tujuan promosi. Selain itu pemilik premis dan pengusaha pelancongan di Pulau Tioman disarankan untuk membuat brosur masing-masing mengikut kemampuan sendiri. Dalam hal ini pihak Lembaga membuat pemantauan supaya setiap maklumat yang dipaparkan adalah tepat dan terkini.

*Pusat Penerangan/Tempatan Berpusat*

Informasi yang tepat dan terkini akan menjadikan sesuatu lokasi menjadi pilihan pelancong. Pelancong rasa dihargai apabila mendapat maklumat dengan mudah dan tepat. Ini menjanjikan kedatangan berulang bagi sesetengah pelancong ke lokasi tersebut. Justeru itu Lembaga yang telah membina enam (6) pusat informasi pelancongan (TIC)di setiap kampung utama (Kg Salang, Air Batang, Tekek, Genting, Mukut dan Kg Juara) pada tahun 2008 sentiasa memberi tumpuan kepada perkembangan setiap TIC ini. Dalam tahun 2011 jawatan bulanan telah dibuat oleh

Lembaga dalam memantau perkembangan serta memberi maklumat terkini kepada setiap pengurusan TIC ini.

## Promosi

*Pembangunan Pakej*

Beberapa aktiviti pelancongan tambahan telah diperkenalkan ke dalam pakej yang ditawarkan di Pulau Tioman bagi memperkukuhkan pakej yang sedia ada. Aktiviti-aktiviti seperti meluncur ombak, memanjat gunung dan perkhemahan telah meningkatkan kedatangan pelancong ke Pulau Tioman pada tahun semasa berbanding tahun terdahulu. Pakej terbaru yang melebihi 3 hari 2 malam tempoh tinggal telah berjaya diwujudkan hasil dari dari beberapa program yang telah dianjurkan oleh Lembaga. Program menyelam Start In Tioman (SIT) telah membawa penyelam scuba untuk tinggal sekurang-kurangnya 5 hari 4 malam bagi menghabiskan modul selaman bagi tujuan mendapat tauliah sebagai penyelam profesional. Program luncur ombak pula mampu menarik penggemarnya bermain ombak dari permulaan hingga akhir musim tengkujuh.

*Lawatan Familiarisasi*

Dalam tahun semasa, Lembaga telah membawa sekumpulan wartawan dari stesen TV tempatan ke Pulau Tioman bagi tujuan lawatan familiarisasi. Keterangan lanjut mengenai lawatan ini adalah seperti dalam Jadual 21.

***Jadual 21 : Lawatan Familiarisasi oleh Stesen TV***

| BIL | KUMPULAN MEDIA | RANCANGAN TV | TARIKH LAWATAN | CATITAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 | BTV | Without Boundries | 4 -6 Mac | |
| 2 | RTM | Expresi Kembara | 15-17 Julai | RTM 1 – 2 episod. Siaran 10 & 17 September |

*Promosi Jualan*

Usaha promosi berterusan telah dijalankan oleh Lembaga bagi memperkasakan industri pelancongan Pulau Tioman. Bagi menjamin keberkesanan usaha ini pengusaha hotel dan peneraju industri pelancongan Pulau Tioman sentiasa digalakkan untuk mengambil bahagian secara terus dalam misi jualan dan pameran sama ada di

dalam atau luar negeri. Bagi tahun semasa pihak Lembaga bersama pengusaha pelancongan Pulau Tioman telah menyertai misi jualan dan pameran seperti di Jadual 22.

***Jadual 22 : Promosi Jualan 2011***

| PROGRAM | TARIKH | PESERTA |
|---|---|---|
| MIDE 2011 di PWTC, Kuala Lumpur | 1 – 3 Julai | 2 peserta |
| MATTA FAIR di Kuala Lumpur | 5 – 7 Ogos | 2 peserta |

## STATISTIK PELANCONGAN

Bagi tahun 2011 ketibaan pelancong di Pulau Tioman adalah seramai 212,680 orang iaitu 121,660 pelancong domestik (57%) dan 91,020 (47%) pelancong antarabangsa. Jika dibandingkan dengan statistik tahun 2010, jumlah ini berkurangan sebanyak 478 atau 0.22 % orang sahaja.

Usaha-usaha bagi menarik kedatangan pelancong ke Pulau Tioman akan terus dilaksanakan dari masa ke semasa terutama melalui penganjuran acara-acara dan program-program pelancongan serta kegiatan konservasi di Pulau Tioman oleh pelbagai pihak.

Statistik kedatangan pelancong ke Tioman bagi tahun 2006 sehingga 2011 adalah seperti dalam Jadual 23 di bawah.

***Jadual 23 : Statistik Pelancongan Pulau Tioman (2006-2011)***

| TAHUN | KETIBAAN PELANCONG | | | | JUMLAH | PURATA TEMPOH TINGGAL HARI | KADAR PENGINAPAN PURATA (%) | PENDAPATAN (,000) (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | DOMESTIK | | LUAR NEGERI | | | | | |
| | BIL | % | BIL | % | | | | |
| 2006 | 106,802 | 46 | 123,734 | 54 | 230,536 | 2.50 | 49.00 | 184,428 |
| 2007 | 114,763 | 49 | 120,668 | 51 | 235,431 | 3.00 | 52.00 | 226,014 |
| 2008 | 124,673 | 65 | 67,256 | 35 | 191,929 | 3.00 | 33.48 | 184,252 |
| 2009 | 105,867 | 55 | 88,525 | 45 | 194,392 | 3.00 | 52.45 | 186,616 |
| 2010 | 127,874 | 60 | 85,264 | 40 | 213,158 | 3.00 | 53.25 | 204,631 |
| 2011 | 121,660 | 57 | 91,020 | 43 | 212,680 | 3.00 | 52.07 | 204,172 |

- 2004 - RM 200 / orang / hari
- 2005 - RM 320 / orang / hari

# PENYATA KEWANGAN

LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN 2011

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

# KETUA AUDIT NEGARA
# MALAYSIA

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Tioman pada 31 Disember 2011 serta hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

**(CHE MOHD SHUKRI BIN CHE HASSAN)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KUANTAN
26 JUN 2012

**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**

*( Ditubuhkan mengikut Enakmen 7, tahun 1997 )*

**PENYATA KEWANGAN**
**BERSERTA LAPORAN LEMBAGA PENGARAH**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

# LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
*( Ditubuhkan mengikut Enakmen 7, tahun 1997)*

## KANDUNGAN


| | MUKA SURAT |
|---|---|
| PENYATA PENGERUSI DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH | 1 |
| AKUAN BERKANUN PEGAWAI UTAMA | 2 |
| LEMBARAN IMBANGAN | 3 |
| PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN | 4 |
| PENYATA ALIRAN TUNAI | 5 |
| PENYATA PERUBAHAN EKUITI | 6 |
| NOTA BERKENAAN AKAUN | 7 – 14 |

**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**

*( Ditubuhkan mengikut Enakmen 7, tahun 1997)*

**PENYATA PENGERUSI**
**DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH**

Kami, DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB dan DATO' HAJI WAN ABDULLAH BIN HAJI WAN SALLEH yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 3 hingga 14 adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN, pada 31 Disember 2011 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

| Bagi pihak Lembaga, | Bagi pihak Lembaga, |
|---|---|
| **DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB** | **DATO' HAJI WAN ABDULLAH BIN HAJI WAN SALLEH** |
| **PENGERUSI** | **AHLI LEMBAGA PENGARAH** |

Tarikh : 27 APR 2012

Kuantan

**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**

*( Ditubuhkan mengikut Enakmen 7, tahun 1997)*

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**

Saya, DATO' HAJI HASHIM BIN MAT TAHIR, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN, dengan ikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 3 hingga 14 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya ini adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh DATO' HAJI HASHIM BIN MAT TAHIR di Kuantan dalam Negeri Pahang Darul Makmur pada 2 4 APR 2012 )

**DATO' HAJI HASHIM BIN MAT TAHIR**

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
No: C 067
Nama: SURIATI MUDA
MALAYSIA

No. 17, Gerai Pelangai Luar,
Pasir Besar Kuantan,
25000 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**

*( Ditubuhkan mengikut Enakmen 7 Tahun 1997)*

## LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2011

| | NOTA | 2011 RM | 2010 RM |
|---|---|---|---|
| **ASET SEMASA** | | | |
| Wang Tunai dan Baki di Bank | 2 | 888,060 | 267,421 |
| Simpanan Tetap | 3 | 3,390,712 | 4,548,815 |
| Penghutang | 4 | 55,509 | 60,420 |
| Lain -lain penghutang | 5 | 1,368 | 2,951 |
| Deposit dibayar dan Pendahuluan | 6 | 17,519 | 11,170 |
| Terimaan Terakru | 7 | 1,213,341 | 5,897 |
| | | 5,566,509 | 4,896,674 |
| **LIABILITI SEMASA** | | | |
| Bayaran Terakru | 8 | 131,871 | 150,307 |
| Lain-lain Pemiutang | 9 | 140,475 | 331,407 |
| Deposit diterima dan bayaran balik | 10 | 32,760 | 31,700 |
| Sumbangan Amanah | 11 | 4,417,927 | 3,445,709 |
| | | 4,723,033 | 3,959,123 |
| ASET BERSIH SEMASA | | 843,476 | 937,551 |
| **ASET TETAP** | 12 | 692,167 | 820,571 |
| **JUMLAH ASET** | | **1,535,643** | **1,758,122** |
| **DIBIAYAI OLEH:** | | | |
| LEBIHAN PENDAPATAN TERKUMPUL | | 1,535,643 | 1,758,122 |
| **JUMLAH PEMBIAYAAN** | | **1,535,643** | **1,758,122** |

Nota - nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi Lembaran Imbangan ini.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**
*(Ditubuhkan mengikut Enakmen 7 Tahun 1997)*

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

| | NOTA | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | |
| Caruman Bantu Kadar | 13 | 14,157 | 14,293 |
| Cukai Taksiran Am | 14 | 396,112 | 396,162 |
| Denda dan hukuman | 15 | 1,430 | 561 |
| Faedah Diterima | 16 | 138,140 | 123,509 |
| Keuntungan dari penjualan aset | | 3,998 | - |
| Lesen dan Permit | | 72,060 | 89,340 |
| Pelbagai | | 36,808 | 66,385 |
| Pemberian Kerajaan | 17 | 3,075,754 | 3,768,048 |
| Sewaan | 18 | 81,843 | 75,575 |
| | | **3,820,312** | **4,533,873** |
| **TOLAK: PERBELANJAAN** | | | |
| Bekalan Bahan Mentah | | 78,603 | 85,059 |
| Bekalan dan Bahan Lain | | 61,584 | 67,526 |
| Cukai Jalan | | 50,256 | 9,225 |
| Denda | | 4,266 | |
| Emolumen | 19 | 1,518,497 | 1,466,179 |
| Hapuskira | | 4,500 | - |
| Kenaan Bank | | 700 | 293 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | | 44,090 | 18,510 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan | | 86,733 | 91,585 |
| Perbelanjaan 'Bargus System' | | 235,725 | 195,250 |
| Perbelanjaan Incinerator | | 250,400 | 234,400 |
| Perbelanjaan promosi | | 242,416 | - |
| Perhubungan dan Utiliti | | 101,637 | 98,833 |
| Perjalanan dan Sarahidup | | 132,284 | 105,580 |
| Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti | 20 | 269,641 | 357,499 |
| Perbelanjaan Pembangunan | 21 | 607,754 | 1,475,583 |
| Sewaan | | 53,337 | 46,633 |
| Susutnilai | 12 | 288,501 | 368,362 |
| | | **4,030,924** | **4,621,017** |
| **KURANGAN PENDAPATAN BAGI TAHUN** | | **(210,612)** | **(87,144)** |
| **LEBIHAN PENDAPATAN TERKUMPUL PADA AWAL TAHUN** | | **1,758,122** | **1,892,345** |
| **PELARASAN TAHUN LEPAS** | 22 | **(11,867)** | **(47,079)** |
| **SEPERTI DILAPORKAN SEMULA** | | **1,746,255** | **1,845,266** |
| **LEBIHAN PENDAPATAN TERKUMPUL PADA AKHIR TAHUN** | | **1,535,643** | **1,758,122** |

Nota - nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**

*(Ditubuhkan mengikut Enakmen 7 Tahun 1997)*

**PENYATA ALIRAN TUNAI**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

| | 2011 RM | 2010 RM |
|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI KENDALIAN** | | |
| Kurangan pendapatan ke atas perbelanjaan | (210,612) | (87,144) |
| Pelarasan bagi: | | |
| Susutnilai | 288,501 | 368,362 |
| Keuntungan dari penjualan aset | (3,998) | - |
| Faedah Diterima | (138,140) | (123,509) |
| Pelarasan tahun lepas | (11,867) | (47,079) |
| *Lebihan / (Kurangan) pendapatan sebelum perubahan modal kerja* | (76,116) | 110,630 |
| (Tambahan) / Kurangan dalam penghutang | (1,207,299) | 33,867 |
| Tambahan / (Kurangan) / dalam pemiutang | (208,308) | 143,160 |
| (Kurangan) / Tambahan dalam sumbangan amanah | 972,218 | (1,754,619) |
| *Tunai bersih daripada aktiviti-aktiviti kendalian* | **(519,505)** | **(1,466,962)** |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN** | | |
| Penjualan Aset Tetap | 4,011 | - |
| Pembelian Aset Tetap | (160,110) | (316,872) |
| Faedah Diterima | 138,140 | 123,509 |
| *Tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti pelaburan* | **(17,959)** | **(193,363)** |
| KURANGAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI | (537,464) | (1,660,325) |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN | 4,816,236 | 6,476,561 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN | **4,278,772** | **4,816,236** |
| **Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:** | | |
| Wang tunai dan baki di bank | 888,060 | 267,421 |
| Simpanan Tetap | 3,390,712 | 4,548,815 |
| | **4,278,772** | **4,816,236** |

Nota - nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**

*(Ditubuhkan mengikut Enakmen 7 Tahun 1997)*

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI**

**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

| | NOTA | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|---|
| **KEUNTUNGAN TERKUMPUL 1 JANUARI** | | | |
| Baki pada 1 Januari | | 1,758,122 | 1,892,345 |
| Pelarasan tahun lepas | 22 | (11,867) | (47,079) |
| Dinyatakan semula | | 1,746,255 | 1,845,266 |
| Kerugian bagi tahun | | (210,612) | (87,144) |
| **KEUNTUNGAN TERKUMPUL 31 DISEMBER** | | **1,535,643** | **1,758,122** |

Nota -nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini

## LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
(Ditubuhkan mengikut Enakmen 7 Tahun 1997)

## NOTA-NOTA KEPADA AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

### 1. DASAR PERAKAUNAN

#### a) Asas Perakaunan

Akaun - akaun telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah.

#### b) Aset Tetap dan Susutnilai

Aset tetap dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul. Susutnilai diperuntukan mengikut kaedah garis lurus supaya memansuhkan kos setiap aset tetap di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Terdapat kenderaan penumpang dan jentera yang telah didaftarkan atas nama pihak ketiga iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

Kadar susutnilai tahunan yang utama adalah :

| **Jenis Aset** | **Kadar Tahunan (%)** |
|---|---|
| Kenderaan | 20 |
| Jentera | 20 |
| Perabot dan Kelengkapan Pejabat | 20 |
| Alat Kelengkapan Elektronik | 20 - 50 |
| Alat Kelengkapan Elektrik | 20 |
| Alat Kelengkapan Penyiaran dan Perhubungan | 20 |
| Kelengkapan Fotografi dan Tayangan Gambar | 20 |
| Kelengkapan Keselamatan, Kebersihan dan Kesihatan | 20 |
| Bangunan dan Pembaikan | 2 - 10 |

#### c) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan cukai taksiran am, sewaan yang tertentu dan faedah adalah berdasarkan atas asas akruan.
Lain - lain pendapatan termasuk pemberian kerajaan yang berkaitan dengan operasi telah diambilkira apabila diterima.

d) **Perbelanjaan**

Perbelanjaan pembangunan yang merupakan kos aset tetap adalah dipermodalkan dan selain daripadanya diiktiraf sebagai perbelanjaan operasi.

## 2. WANG TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK

| | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|
| CIMB | 517,340 | 126,063 |
| Maybank | 365,993 | 99,203 |
| Bank Simpanan Nasional | 3,727 | 41,155 |
| Wang tunai di tangan | 1,000 | 1,000 |
| | **888,060** | **267,421** |

## 3. SIMPANAN TETAP

| | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|
| CIMB | 2,308,953 | 2,220,672 |
| Maybank | 1,081,759 | 2,328,143 |
| | **3,390,712** | **4,548,815** |

## 4. PENGHUTANG

| | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|
| Cukai taksiran am | 46,139 | 44,625 |
| Sewaan harta | 9,370 | 15,795 |
| | **55,509** | **60,420** |

## 5. LAIN-LAIN PENGHUTANG

| | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|
| Pinjaman kenderaan | 1,368 | 2,751 |
| Pinjaman komputer | - | 200 |
| | **1,368** | **2,951** |

## 6. DEPOSIT DIBAYAR DAN PENDAHULUAN

| | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|
| Deposit Sewa Pejabat | 10,500 | 10,500 |
| Deposit Elektrik | 1,000 | - |
| Deposit Minyak | 6,000 | - |
| Pendahuluan Kakitangan | 34 | 670 |
| Pendahuluan pelbagai | (15) | - |
| | **17,519** | **11,170** |

## 7. TERIMAAN TERAKRU

| | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|
| Faedah Akaun - Bank Simpanan Nasional | 118 | 62 |
| Pendahuluan Acara | - | 5,835 |
| Unit Perumahan SUK | 1,213,223 | - |
| | **1,213,341** | **5,897** |

## 8. BAYARAN TERAKRU

| | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|
| Gaji dan upahan | 75,765 | 91,257 |
| Perjalanan dan Sarahidup | 9,203 | 12,060 |
| Perhubungan dan utiliti | 6,650 | 6,823 |
| Perkhidmatan Iktisas dan Hospitaliti | 22,753 | 22,660 |
| Perbelanjaan Bargas System | 17,500 | 17,500 |
| Program Pembasmian Kemiskinan Bandar/Acara | - | 7 |
| | **131,871** | **150,307** |

## 9. LAIN-LAIN PEMIUTANG

| | 2011 RM | 2010 RM |
|---|---|---|
| Pemiutang lain | 113,327 | 245,326 |
| Pemiutang kontrak | 27,148 | 86,081 |
| | **140,475** | **331,407** |

## 10. DEPOSIT DITERIMA DAN BAYARAN BALIK

| | 2011 RM | 2010 RM |
|---|---|---|
| Deposit sewa gerai | 14,020 | 14,120 |
| Deposit hiburan | 16,500 | 16,500 |
| Deposit kunci | 1,100 | 1,100 |
| Deposit pelupusan aset | 1,160 | |
| Bayaran balik penyewa gerai | (20) | (20) |
| | **32,760** | **31,700** |

## 11. SUMBANGAN AMANAH

| | 2011 RM | 2010 RM |
|---|---|---|
| Kementerian Kewangan | 2,213,234 | 1,526,016 |
| Kementerian Pembangunan Luar bandar | 1,919,693 | 1,919,693 |
| Unit Perumahan SUK Pahang | 285,000 | - |
| | **4,417,927** | **3,445,709** |

## 12. ASET TETAP

| | Bangunan | Pembaikan bangunan | Kenderaan dan jentera | Perabut, alat kelengkapan pejabat dan buku teks | Alat kelengkapan elektrik dan elektronik | Alat kelengkapan penyiaran dan perhubungan | Kelengkapan fotografi dan tayangan gambar | Kelengkapan keselamatan, kebersihan dan kesihatan | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| **Kos** | | | | | | | | | |
| Pada 1.1.11 | 1,726,094 | 106,828 | 1,487,646 | 152,839 | 422,664 | 27,587 | 91,444 | 25,982 | 4,041,084 |
| Tambahan | - | - | 144,170 | | 10,470 | 1,990 | 3,480 | - | 160,110 |
| Penjualan | - | - | 62,821 | | | 8,292 | 4,200 | - | 75,313 |
| Pada 31.12.11 | 1,726,094 | 106,828 | 1,568,995 | 152,839 | 433,134 | 21,285 | 90,724 | 25,982 | 4,125,881 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | | | | | |
| Pada 1.1.11 | 1,183,155 | 106,826 | 1,239,046 | 151,599 | 413,079 | 23,486 | 77,686 | 25,686 | 3,220,513 |
| Tambahan | 172,609 | | 90,973 | 360 | 8,308 | 1,493 | 14,488 | 270 | 288,501 |
| Penjualan | | - | 62,818 | | | 8,285 | 4,197 | | 75,300 |
| Pada 31.12.11 | 1,355,764 | 106,826 | 1,267,201 | 151,959 | 421,387 | 16,694 | 87,977 | 25,956 | 3,433,714 |
| **Nilai buku bersih** | | | | | | | | | |
| Pada 31.12.11 | **370,330** | **2** | **301,794** | **880** | **11,747** | **4,591** | **2,797** | **26** | **692,167** |
| Pada 31.12.10 | **542,939** | **2** | **248,600** | **1,240** | **9,585** | **4,101** | **13,808** | **296** | **820,571** |
| Susutnilai dikenakan bagi tahun 2010 | 172,608 | - | 167,588 | 466 | 10,563 | 1,575 | 14,190 | 1,369 | 368,362 |

## 13. CARUMAN BANTU KADAR

| | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|
| Kerajaan Persekutuan | 11,845 | 11,971 |
| Kerajaan Negeri | 2,322 | 2,322 |
| | **14,167** | **14,293** |

## 14. CUKAI TAKSIRAN AM

| | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|
| Cukai semasa | **396,112** | **396,162** |

## 15. DENDA DAN HUKUMAN

| | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|
| Denda cukai taksiran am | **1,430** | **561** |

## 16. FAEDAH DITERIMA

| | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|
| Faedah Akaun Semasa - CIMB | 2,211 | 2,132 |
| Faedah Akaun Semasa - Maybank | 1,998 | 853 |
| Faedah Akaun - Bank Simpanan Nasional | 118 | 62 |
| Faedah Simpanan Tetap | 133,596 | 120,024 |
| Faedah Pinjaman Kenderaan | 162 | 255 |
| Faedah Pinjaman Komputer | 55 | 183 |
| | **138,140** | **123,509** |

## 17. PEMBERIAN KERAJAAN

| | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|
| Kerajaan Negeri | 2,300,000 | 2,000,000 |
| Kementerian Kewangan | 745,754 | 1,768,048 |
| Kementerian Pelancongan | 30,000 | - |
| | **3,075,754** | **3,768,048** |

## 18. SEWAAN

| | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|
| Sewaan Gerai | 75,060 | 68,760 |
| Sewaan Pelbagai | 6,783 | 6,815 |
| | **81,843** | **75,575** |

## 19. EMOLUMEN

| | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|
| Gaji dan Upahan | 861,720 | 822,874 |
| Elaun Tetap | 341,090 | 341,721 |
| Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan | 143,823 | 137,174 |
| Elaun Lebih Masa | 51,979 | 55,135 |
| Faedah Kewangan Yang Lain | 119,885 | 109,275 |
| | **1,518,497** | **1,466,179** |

## 20. PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN HOSPITALITI

| | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|
| Perkhidmatan ikhtisas | 50,350 | 126,940 |
| Perkhidmatan percetakan | 24,094 | 25,673 |
| Gaji anggota sambilan | 185,629 | 200,420 |
| Keraian dan hospitaliti | 9,568 | 4,466 |
| | **269,641** | **357,499** |

## 21. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

| | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|
| Projek kecil Kementarian Kewangan | **607,754** | **1,475,583** |

## 22. PELARASAN TAHUN LEPAS

Pelarasan tahun lepas merupakan ( perbelanjaan ) dan pendapatan yang tidak diambilkira dalam penyata kewangan tahun - tahun sebelumnya seperti berikut :

| | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|
| a. Perkhidmatan iktisas dan hospitaliti | 1,750 | 402 |
| b. Perhubungan dan utiliti | 1 | (1,586) |
| c. Perbelanjaan yuran audit | 447 | - |
| d. Kompaun dibayar | 370 | - |
| e. Projek pembangunan | 4,749 | - |
| f. Bekalan am | - | 384 |
| g. Caj penghantaran sampah | - | (1,550) |
| h. Faedah kewangan | 6,500 | 49,429 |
| i. Pelupusan aset | 11 | - |
| j. Terimaan lesen | (1,505) | - |
| k. Faedah pinjaman komputer | (456) | - |
| | 11,867 | 47,079 |

## 23. ANGKA BANDINGAN

Beberapa angka bandingan telah dikelaskan semula supaya menurut persembahan tahun semasa.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**

No. A-145-147, Tingkat 1&2, Lorong Tun Ismail 6, Sri Dagangan,
25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur
No. Tel : 609-5141208 ; No. Fax : 609-5148802
Cawangan Tioman : Kg Tekek, Pulau Tioman 26800 Rompin Pahang Darul Makmur
No. Tel : 609-4191 242 ; No. Faks : 609-4191 394
E-mail : lpt@tioman.gov.my